

FPP BizNewz

eISSN 2600-9811

June - November 2021

INVESTMENT MANAGEMENT ECONOMICS MARKETING TECHNOLOGY

MERDEKA

EKONOMI 2021

ANXIETY DISORDER

Jangan Ambil Mudah

Do We Look Older Or Younger Than We Really Are?

SOLAH

A Testimony of Success

MUSLIM FRIENDLY TOURISM

The Promising Tourism Segments For Malaysia

To Online Or Not?

JEBAT Si Maine Coon

Photo by Polina Kuzovkova on Unsplash





Bukit & RIZAB B



Bendera BIOSFERA MALAYSIA

eISSN 2600-9811

Photo by Fidelia Zheng on Unsplash

BizNewz 2021 |

29

Suzila Mat Salleh, Siti Fatimah Mardiah Hamzah, Hani Sakina Mohamad Yusof,
Noor Hafiza Mohammed & Noor Malinjasari Ali
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Terengganu.

M

Malaysia mempunyai banyak khazanah alam sekitar yang patut kita pelihara untuk generasi akan datang. Isu-isu alam sekitar yang sering kita dengar berkaitan dengan pembalakan, penebangan dan isu-isu lain yang mengganggu gugat pertumbuhan alam sekitar

Malaysia perlu dihentikan dan diambil tindakan oleh pihak berkuasa demi menjaga kelestarian alam semulajadi Malaysia.



Baru-baru ini, Bukit Bendera telah mendapat pengiktirafan daripada UNESCO yang telah mengisytiharkan Bukit Bendera sebagai rizab biosfera ketiga Malaysia oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO). Pengiktirafan yang diberikan ini memberikan titik tolak kejayaan buat Malaysia dan satu kebanggaan buat Malaysia walaupun pelbagai isu-isu alam sekitar yang kita dengari berlaku. Kejayaan pengiktirafan ini merupakan satu langkah terbaik dalam pengurusan kawasan biodiversiti dan pemuliharaan alam sekitar supaya masyarakat lebih peka akan kepentingan biodiversiti yang perlu dipelihara. Sebelum ini dua lokasi lain yang diiktiraf oleh UNESCO adalah Tasik Chini, Pahang (2009) dan Banjaran Crocker, Sabah (2014). UNESCO mendefinisikan rizab biosfera sebagai lokasi yang mempunyai kawasan daratan dan marin

atau gabungan setiap satunya diiktiraf secara berperingkat.

Kawasan Bukit Bendera ini berkeluasan 12,481 hektar dan meliputi kawasan hutan sekitar kawasan Bukit Bendera iaitu Taman Botani Pulau Pinang, Taman Negara Pulau Pinang dan enam hutan simpanan kekal. Terkini, terdapat pelbagai flora dan fauna yang dianggap sebagai aset Bukit Bendera yang perlu dipelihara seperti pelbagai jenis flora dan fauna yang hidup. Contohnya terdapat 2,456 spesis tumbuhan dan spesis tumbuhan lain yang tumbuh meliar di kawasan tersebut. Selain itu terdapat juga pelbagai spesis binatang yang hidup seperti 150 spesis burung dan pelbagai spesis hidupan lain yang merupakan tarikan kepada pelancong.

Bukit Bendera merupakan satu kawasan tarikan pelancongan yang sangat menarik dengan suhu dinginnya apabila berada di puncak Bukit Bendera. Kali terakhir penulis ke Bukit Bendera adalah pada tahun 2007 di mana pada ketika itu kereta api yang digunakan masih lagi kereta api yang lama sebelum ditukar kepada kereta api yang baru. Sekiranya ingin ke puncak, kita boleh menaiki kereta api atau mendaki melalui denai atau melalui jalan lasak menggunakan jeep. Keindahan alam sekitar yang menarik dapat dilihat sekiranya kita pergi pada awal pagi.

Adalah diharapkan Bukit Bendera dapat dikekalkan pemeliharaannya dan tanggungjawab ini bukan sahaja dipikul oleh kerajaan negeri tetapi juga kita sebagai masyarakat yang mementingkan alam sekitar. Keindahan flora dan fauna, siulan burung

eISSN 2600-9811

di awal pagi dan keindahan tumbuhan tidak dapat kita kecap sekiranya kita sendiri tidak peduli untuk mengekalkannya demi generasi akan datang.

Rujukan

Bukit Bendera Pulau Pinang- Apa yang menarik di sini. <https://www.caridestinas.com/bukit-bendera-pulau-pinang-apa-menarik/> Mohd Iskandar Othman (15 September 2021).

UNESCO iktiraf Bukit Bendera Kawasan rizab biosfera. Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/161685/BERITA/Nasional/UNESCO-iktiraf-Bukit-Bendera-kawasan-rizab-biosfera> Sumber diperolehi di <https://www.facebook.com/linguaneng.malaysia/>

Suzalina Halid (15 September 2021). Bukit Bendera diiktiraf tapak rizab biosfera. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/864610/bukit-bendera-diiktiraf-tapak-rizab-biosfera>





Photo by Polina Kuzovkova on Unsplash